



جباتن كحاكيمن شرعية مليسيا  
DEPARTMENT OF SYARIAH JUDICIARY MALAYSIA  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA  
Aras 2 & 3, Blok D7, Parcel D,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62677 PUTRAJAYA

TEL: 03-888 64800  
FAKS: 03-888 91627

JKSM /100-24/5 Jld. 4 ( 22 )


29 Jamadilawwal, 1428H/  
15 Jun, 2007M

**Y.A.A Ketua-Ketua Hakim Syarie,  
Mahkamah-mahkamah Syariah  
Negeri-negeri**

**Arahan Amalan No. 8 Tahun 2007  
Amalan Perceraian Ta'liq**

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil. 1 Tahun 2007 pada 28hb. hingga 30 Rabiulawwal, 1428H bersamaan 16hb. hingga 18hb. April 2007 di Melaka dan pengesahan Mesyuarat Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri Seluruh Malaysia Kali Ke 42 pada 25 Jamadilawwal, 1428H bersamaan 11 Jun, 2007M telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerimapakai arahan amalan berhubung dengan Amalan Perceraian Ta'liq sebagaimana di Lampiran.

Arahan ini berkuatkuasa mulai 15 Jun 2007.

  
(Datuk Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman)  
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.  
PUTRAJAYA

## LAMPIRAN

### Amalan Perceraian Ta'liq

Ketua Hakim Syarie menetapkan Amalan Perceraian Ta'liq seperti berikut-

**1. Amalan ini** bolehlah dinamakan Amalan Perceraian Ta'liq Negeri

.....

#### **2. Tafsiran**

2.1. Dalam Amalan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang berlainan -

“Akta Pentadbiran” ertinya Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah- Wilayah Persekutuan) 1993;

“Akta Undang-Undang Keluarga Islam” ertinya Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 dan (Pindaan) 1995 ;

“Akta Tatacara Mal” ertinya Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998;

“*darar syarie*” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Undang-Undang Keluarga Islam .;

“Hakim Syarie” atau “Hakim” ertinya seseorang Hakim Mahkamah Rendah Syariah atau Mahkamah Tinggi Syariah termasuk Ketua Hakim Syarie mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dilantik di bawah subseksyen 44(1) atau 43(1) atau 41(1) Akta Pentadbiran;

“Hukum Syarak “ ertinya Hukum Syarak mengikut Mazhab Shafie, atau mengikut mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki atau Hambali;

“*Khul`* ” ertinya perceraian antara suami isteri dengan tebus talaq ;

“Mahkamah” atau “ Mahkamah Syariah” ertinya Mahkamah Rendah Syariah atau Mahkamah Tinggi Syariah mengikut mana-mana yang berkenaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 40 Akta Pentadbiran ;

“Ketua Pendaftar” ertinya Ketua Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju’ yang dilantik di bawah seksyen 28 Akta Undang-Undang Keluarga Islam .

“Pendaftar“ ertinya Pendaftar Kanan Perkahwinan, Perceraian dan Ruju’ Orang Islam yang dilantik di bawah seksyen 28 Akta Undang-Undang Keluarga Islam dan termasuk Pendaftar dan Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju’;

“Pendaftar Mahkamah” ertinya Pendaftar Mahkamah yang dilantik di bawah Akta Pentadbiran.

“surat perakuan ta’liq” ertinya Perakuan Ta’liq Suami yang terdapat dalam Surat Perakuan Nikah di bawah seksyen 26 Akta Undang-Undang Keluarga Islam atau lain-lain perakuan seumpamanya yang diiktiraf menurut Hukum Syarak.

“*ta’liq*” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam .

2.2. Tafsiran `Akta' dalam mana-mana peruntukan dalam Amalan ini membawa maksud yang sama dengan `Enakmen' atau `Ordinan' .

### 3. Kuasa Mahkamah Menetap dan Mengesahkan Perceraian Ta'liq

(1) Walau apa pun peruntukan seksyen 22 dan tertakluk kepada seksyen 134A Akta Undang-Undang Keluarga Islam Mahkamah boleh mendengar permohonan bagi menetap dan mengesahkan perceraian ta'liq berdasarkan lafaz ta'liq yang tidak didaftarkan dalam Daftar Perkahwinan.

(2) Tertakluk kepada undang-undang berkenaan, mana-mana pihak dalam perkahwinan boleh, jika berhak mendapat perceraian menurut syarat-syarat ta'liq yang dibuat selepas berkahwin atau mana-mana lafaz ta'liq tambahan yang dibuat kemudiannya, memohon kepada Mahkamah untuk menetap dan mengesahkan bahawa perceraian ta'liq telah berlaku.

(3) Mahkamah dalam menetap dan mengesahkan perceraian ta'liq menurut sub-amalan (2), atas alasan melanggar syarat-syarat ta'liq, hendaklah menyiasat dan memastikan bahawa keterangan pihak-pihak berkenaan direkodkan.

(4) Dalam merekodkan keterangan di bawah sub-amalan (3) Hakim hendaklah memastikan rekod keterangan antara lain mengandungi perkara-perkara berikut :

- a) Surat Perakuan Nikah yang mengandungi perakuan ta'liq ;
- b) Keterangan mengenai lafaz ta'liq yang dibuat selepas akad nikah;
- c) Keterangan pihak-pihak yang hadir yang disokong sekurang-kurangnya oleh dua orang saksi lelaki ; dan
- (d) Dalam kes di mana *mudaa 'alaih* tidak hadir , keterangan *mudda'i* yang disokong oleh keterangan dua orang saksi lelaki dan sumpah Istizhar .

(5) Hakim hendaklah memastikan bahawa pemohon adalah seorang yang tinggal dalam Wilayah Persekutuan atau yang bermastautin dalam Wilayah Persekutuan tetapi tinggal di luar Wilayah Persekutuan.

(6) Setelah Mahkamah berpuashati bahawa pelanggaran ta'liq telah berlaku, dan al-mudda'i membayar kepada Hakim, sejumlah wang tebus talaq jika ditetapkan dalam perakuan ta'liq, dan Hakim menerima bagi pihak muddaa 'alaih, tertalaqlah al-muddai daripada mudda 'alaih dengan satu talaq khul'i dan Hakim hendaklah mensabitkan sedemikian.

(7) Jika muddaa 'alaih tidak hadir, wang tebus talaq di bawah sub-amalan (5) hendaklah dibayar selepas Yamin al-Istizhar dilafazkan.

#### **4. Syarat-Syarat Lafaz Ta'liq**

(1) Setiap lafaz ta'liq yang boleh didengar oleh Mahkamah hendaklah mengandungi unsur-unsur berikut :-

(a) perkara yang dita'liqkan ke atas isteri itu hendaklah perkara yang boleh berlaku ;

(b) isteri yang dita'liqkan itu adalah isterinya yang sah menurut Hukum Syara' ; dan

(c) Jika hal perkara yang disyaratkan berlaku di dalam lafaz ta'liq adalah perbuatan isteri atau orang lain, isteri atau orang lain itu hendaklah diberitahu sebelum hal perkara tersebut berlaku.

(d) Lafaz ta'liq tersebut hendaklah yang terdapat dalam :

(1) Surat Perakuan Ta'liq ; atau

(2) Surat perakuan di hadapan Pendaftar Mahkamah atau Peguam Syarie dengan kehadiran isteri atau wakilnya.

(2) (i) Mana-mana lafaz ta'liq yang dikemukakan untuk sabitan cerai hendaklah menepati syarat-syarat Hukum Syara' yang mengandungi perkataan atau lafaz mana-mana yang berikut di bawah ini atau seumpamanya sepertimana di dalam Jadual berikut -

- (a) “*apabila*” atau
- (b) “*jika*” atau
- (c) “*sekiranya*” atau
- (d) “*kalau*” atau
- (e) “*tiap-tiap kali*” atau
- (f) “*manakala*”
- (g) dan lain-lain lafaz mengikut Hukum Syara' ; dan

(ii) Sesuatu lafaz ta'liq itu tidak boleh diikuti atau diiringi dengan perkataan “*Inshaallah*”

## **5. Terjemahan Lafaz Ta'liq**

Mana-mana dokumen perakuan ta'liq yang telah didaftarkan dalam apa-apa bahasa lain hendaklah diterjemah ke dalam Bahasa Melayu dan disahkan oleh penterjemah yang bertauliah ;

## **6. Penangguhan Prosiding**

Tertakluk kepada peruntukan 129 Akta Tatacara Mal dan Arahan Amalan No. 2 Tahun 2001 , Mahkamah mempunyai bidangkuasa menetapkan tempoh perbicaraan pengesahan perceraian ta'liq dalam masa 21 hari dan tidak lebih 3 bulan dari tarikh sebutan kes.

## **7. Rujukan Hukum Syara'**

(1) Mana-mana peruntukan atau tafsiran peruntukan di bawah Amalan ini yang tak konsisten dengan Hukum Syara' adalah terbatal setakat yang ia tak konsisten itu.

(2) Jika terdapat lakuna atau jika apa-apa perkara yang tidak diperuntukkan dengan nyata oleh Amalan ini, Mahkamah hendaklah mengikut Hukum Syara'

(3) Mana-mana peruntukan atau tafsiran peruntukan di bawah Amalan ini yang tak konsisten dengan Hukum Syara' adalah terbatal setakat yang ia tak konsisten itu.

Ketua Hakim Syarie Negeri \_\_\_\_\_